

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 04 JANUARI 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Madu alternatif rawat asma	Berita Harian
2	Mati dipercayai lemas, lapar dalam kereta	Berita Harian
3	Measures to battle future floods	News Straits Times
4	Kerajaan garis empat pendekatan perbaiki pengurusan bencana - Muhyiddin	Bernamea.com
5	Angin kencang, laut bergelora berterusan sehingga Isnin	Bernamea.com

Madu alternatif rawat asma

Saintis USM temui cara kurangkan kesan penyakit kronik



MONA AHMAD

mona@bh.com.my

Kematian akibat penyakit asma di seluruh dunia memecah 250,000 setahun dengan kira-kira 300 juta orang di seluruh dunia menghidap penyakit itu. Dengan pembangunan di seluruh dunia semakin hebat, dijangkakan pesakit asma akan terus meningkat sehingga 400 juta orang.

Terkini penyakit pulmonari sumbatan kronik (COPD) dilaporkan berada di tangga ketiga penyebab kematian di Amerika Syarikat.

Antara negara yang mempunyai kadar pesakit asma paling tinggi ialah Malaysia sebanyak 24 peratus; Australia (21.4 peratus); Sweden (20.2 peratus); United Kingdom (18.2 peratus); Belanda (15.3 peratus) dan Brazil (13 peratus).

Terapi ubat, rawatan pendek bagi Beta-agonist, pam asma corticosteroid dan rawatan jangka panjang Beta-agonist adalah antara rawatan yang biasa digunakan bagi pesakit asma. Rawatan berkenaan mampu untuk mengurangkan serangan asma dengan melegakan keradangan otot di laluan pernafasan.

Kesan sampingan ubat asma

Malangnya, penggunaan ubat-ubatan terbit dalam tempoh yang panjang akan menyebabkan kesan sampingan kepada sistem badan termasuk membantutkan tumbesaran, candidiasis mulut (kulat putih pada mulut), dysphonia (gangguan peti suara), kehilangan ketumpatan tulang dan tachyphylaxis sederhana (kurang kesan terhadap ubat).

Produk semula jadi termasuk madu lebah, kini menjadi pilihan berbanding rawatan menggunakan ubatan moden dalam perubatan pilihan kerana kurang kesan sampingan.


Madu lebah dilaporkan sudah digunakan dalam bidang perubatan sejak berkurun lama. Khasiatnya memang tidak dapat disangkal. Ia digunakan secara meluas dalam rawatan seperti batuk, demam, jangkitan dan radang. Madu juga mengandungi antioksidan, antikeradangan dan antibakteria.

Sekitar 1970-an, misalnya, pakar bedah di United Kingdom dan Amerika Syarikat yang melakukan pembedahan ke atas beberapa pesakit barah, mendapati luka yang dirawat menggunakan madu lebih cepat sembuh berbanding kadar biasa.

Luka sembuh lebih cepat

Kira-kira 10 tahun kemudian, pakar bedah di Nigeria pula menggunakan madu lebah untuk merawat 59 pesakit yang mengalami luka teruk walaupun sudah lebih dua tahun menjalani rawatan. Tiga minggu selepas itu, beliau mendapati luka yang dialami pesakit berkenaan sembuh seperti sedia kala.

Penggunaan madu bagi merawat pesakit asma sudah dilaksanakan secara meluas sejak sekian lama. Sama ada wapnya disedut atau diminum dengan susu, madu mampu melegakan dan membantu pesakit ber-



nafas lebih mudah.

Menyedari kelebihan madu dari segi perubatan terutama dalam rawatan penyakit asma, sekumpulan penyelidik yang diketuai oleh Penyelidik Utama dan Ketua Kumpulan Sel Stem serta Terapi Gen, Kluster untuk Perubatan Regeneratif, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, Dr Badrul Hisham Yahaya, menjalankan kajian keberkesanan sedutan madu bagi tujuan menghasilkan alat inhaler asma yang berasaskan madu

lebah bagi rawatan alternatif kepada penghidap asma.

Mampu merawat asma

Beliau yang dibantu oleh Prof Dr Siti Amrah Sulaiman dari Pusat Pengajian Sains Perubatan USM dan Dr Azlina Ahmad dari Pusat Pengajian Sains Pergigian universiti yang sama, berjaya membuktikan semburan madu menerusi alat pam asma mampu merawat pesakit asma.

Alat pam yang digunakan melalui

penyelidikan ini adalah menggunakan inhaler mudah alih yang berupaya menukar cecair madu kepada partikel halus (aerosol) yang mampu menembusi saluran pernafasan serta memberikan impak segera dan optimum.

Menerusi geran Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), kumpulan itu berjaya membuktikan bahawa sedutan madu menggunakan inhaler mudah alih ini mampu memberi kesan yang setanding dengan steroid (salbutamol) yang digunakan oleh kebanyakan penghidap asma ketika ini.

Melalui hasil kajian ini, kumpulan penyelidik ini sedang menghasilkan prototaip inhaler yang berasaskan madu untuk kegunaan pesakit yang mengidap asma.


Beri kesan mujarab

Dr Badrul yang juga Ketua Kluster untuk Perubatan Regeneratif, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju universiti itu berkata, kajian seumpama itu pernah dijalankan di Arab Saudi terhadap 100 kanak-kanak yang menghidap asma dan ia terbukti memberi kesan yang baik terhadap pesakit berkenaan.

Kelainan daripada kajian yang dijalankan oleh penyelidik itu, Dr Badrul tidak hanya melihat kesan fizikal hasil sedutan madu tetapi memberi lebih penekanan kepada aspek mekanisme keberkesanan sedutan madu yang memabatkan peringkat gen, sel dan tisu.

"Kajian ini mendapati sedutan madu lebah mampu mengurangkan sel

SAMBUNGAN...
BERITA HARIAN (BENCANA) : MUKA SURAT 29
TARIKH: 04 JANUARI 2014 (SABTU)



Dr Badrul Hisham (kanan) bersama pelajar ijazah sarjana dan Phdnya melakukan kajian terhadap khasiat madu.



"Madu lebah juga mampu bertindak sebagai ejen penyelamat yang bermaksud menghilangkan kesan keradangan asma dan pencegahan yang bermaksud untuk mengelak daripada serangan asma. Kita dapati, sedutan madu bukan saja mampu menghilangkan kesan keradangan dan simptom asma malah turut mampu mencegah daripada serangan asma"

Dr Badrul Hisham Yahaya, Ketua Kumpulan Sel Stem serta Terapi Gen, Kluster untuk Perubatan Regeneratif USM

Khasiat semula jadi sumber penyembuh

Kebaikan madu sudah diperakui sejak berikutan lama. Malah, dalam Islam sendiri Allah SWT memperuntukkan satu surah dalam al-Quran yang dinamakan an-Nahl iaitu lebah. Di dalamnya turut merangkumi ayat yang menunjukkan kelebihan madu lebah dari segi perubatan.

Dalam surah itu pada ayat 69, Allah SWT berfirman mafhumnya: "...kemudian makanlah dari tiap-tiap macam buah-buahan dan tempuhlah jalan Tuhanmu yang telah dimudahkan (bagimu). Dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, didalamnya ada ubat yang menyembuhkan bagi manusia. Sesungguhnya yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Tuhan) bagi orang yang memikirkan."

Mengikut Kitab Tafsir al-Aisar tulisan Sheikh Abu Bakar Jabir al-Jazairi menyebut kelebihan madu menurut ayat berkenaan jika ia diminum oleh orang Mukmin dengan niat ingin sembuh daripada penyakit maka madu adalah ubat bagi pelbagai penyakit walaupun tanpa dicampur dengan bahan lain.

Ubat sakit perut

Malah, dalam ringkasan hadis sahih menyebut seorang lelaki mengadu kepada Rasulullah SAW mengenai saudaranya yang mengalami sakit perut. Maka, Rasulullah SAW bersabda kepadanya: "Minumlah madu." Lalu beliau minum. Kemudian dia kembali semula kepada Rasulullah SAW mengadu tiada perubahan melainkan sakit itu bertambah.

Rasulullah SAW menyuruhnya terus minum madu sehingga kali ketiga. Tetapi lelaki itu datang semula dan memberitahu sakit perut

saudaranya tidak sembuh. Rasulullah SAW bersabda: "Maha Benar Allah dan perut saudaramu sudah berbohong." Lalu Rasulullah SAW sendiri memberi minum lelaki itu dengan madu dan dia akhirnya sembuh. (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Pada 2007, di Hospital Universiti James Cook di Middlesbrough, United Kingdom, sekumpulan pakar menggunakan madu yang dicampur dengan rumpai laut menerusi kaedah Medihoney untuk membersihkan luka selepas pembedahan jantung kerana madu mempunyai hidrogen peroksida yang bertindak sebagai ejen antibakteria.

Antibakteria, antioksidan Ia dilakukan selepas melihat bagaimana masyarakat Orang Asli Australia menggunakan madu bagi merawat luka.

Bukan hanya mampu bertindak sebagai antibakteria dan antioksidan, madu juga dibuktikan mampu merawat masalah keradangan yang lazimnya boleh menyebabkan pelbagai penyakit kronik seperti kanser dan jantung.

Kejayaan membuktikan kehadiran antikeradangan dalam madu dicatatkan buat kali pertama di dunia kira-kira 15 tahun lalu oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Malaya yang diketuai Prof Kamaruddin Mohd Yusoff dari Jabatan Perubatan Molekular ketika itu.

Malah, penyelidik berkenaan turut menggunakan madu dalam rawatan pesakit kencing manis di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dengan luka kronik dan bahan itu berjaya menyembuhkan pesakit.

Kajian yang dilakukan di United Kingdom, Greece dan Bangladesh turut membuktikan pengambilan madu lebah yang tulen sebagai bahan pemanis untuk pesakit kencing manis tidak langsung menjejaskan tahap kandungan gula dalam darah mereka.

Di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Krian, Kelantan, menerusi ujian klinikal pada 11 tahun lalu mendapati madu mampu menggantikan cara pembersihan luka yang dilakukan secara moden kerana keberkesanannya menyamai antiseptik dan kurang menyakitkan, bau dan tiada kesan alahan bagi pesakit.

Berikutan itu, kaedah yang sama terus dilakukan terhadap pesakit kencing manis yang mengalami luka kronik selepas madu dibuktikan mempunyai ejen antibakteria dan antikeradangan.

radang dan sel goblet hiperplasia selain mengekalkan struktur pernafasan yang menjadi petanda baik bagi mengubah penyakit asma.

"Dalam kajian ini, kita menggunakan arnab yang diaruhkan untuk menghidap asma sebagai bahan uji kaji kerana ia menyerupai keadaan pesakit asma di kalangan manusia. Kajian ini untuk menyelidik kesan sedutan madu lebah ke atas perubahan hispatologi saluran pernafasan arnab.

Hilang kesan keradangan asma

"Madu lebah juga mampu bertindak sebagai ejen penyelamat yang bermaksud menghilangkan kesan keradangan asma dan pencegahan yang bermaksud untuk mengelak daripada serangan asma.

"Kita dapati, sedutan madu bukan saja mampu menghilangkan kesan keradangan dan simptom asma malah turut mampu mencegah daripada serangan asma," katanya di Pulau Pinang, baru-baru ini.


Keberkesanan sedutan madu bukan hanya diuji pada peringkat selular tetapi juga genetiknya yang berkaitan dengan keradangan, pemuliharaan tisu dan penanda sel stem.

Cara tradisional dengan minum madu lebah didapati kurang berkesan dalam merawat penyakit asma kerana ia terus masuk ke dalam sistem penghadaman yang sekali gus melambatkan keberkesanannya dalam merawat pesakit yang mendapat serangan asma akut.

Beliau berkata, kumpulannya sedang membangunkan kaedah untuk

menghasilkan madu dalam bentuk serbuk yang bagi tujuan penghasilan inhaler untuk membantu pesakit asma.

Usaha ini diharapkan mampu membuktikan secara saintifik bagi menyokong dakwaan penggunaan bahan tradisional sebelum ia diktengahkan untuk tujuan komersial terutama dalam usaha merawat serangan asma.



Pelajar ijazah sarjana dan Phd melakukan kajian di Institut Perubatan dan Pergigian Ternaju, USM Kampus Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang. (FOTO MOHD KAMIL, RAHMIBH)

Mati dipercayai lemas, lapar dalam kereta

» Polis ambil keterangan ibu bapa mangsa

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Kuantan

Kanak-kanak berusia tiga tahun yang meninggal dunia selepas hampir sembilan jam ditinggalkan dalam kereta bapanya di Indera Mahkota, Kuantan, dipercayai mati akibat lemas dan kelaparan.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Mohd Jasmani Yusoff, berkata doktor sudah membuat bedah siasat terhadap

mangsa, Muhammad Arif Mohd Yusof, namun punca sebenar kematian belum dapat disahkan.

Organ mangsa dianalisis
"Organ mangsa akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis berikutan doktor yang melakukan bedah siasat tidak dapat mengesahkan sebab kematian.

"Namun berdasarkan siasatan awal, kita tidak menolak kemungkinan kematian akibat kelelahan atau kelaparan melampau dialami mangsa," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Selain itu, Mohd Jasmani berkata, siasatan lanjut berhubung kes itu masih diteruskan mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-kanak 2001.

"Kita sudah mengambil keterangan ibu bapa mangsa dan setakat ini siasatan masih diterus-



Budak mati ditinggal 9 jam dalam kereta

» Bapa jumpa anak di kerusi belakang MPV tak sedarkan diri

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Kuantan

Seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun lemas selepas ditinggalkan dalam kereta

(MPV) bapanya di Indera Mahkota, dekat sini, semalam. Mangsa, Muhammad Arif Mohd Yusof ditemui bapanya di tempat duduk belakang kereta dalam keadaan tidak sedarkan diri jam 5 petang.

Bapa mangsa berusia 41 tahun dikatakan terlena untuk

taska di Indera Mahkota.

Menurut sumber, pasangan terabit dipercayai keluar dari kantin guru di Pandan, dekat sini kira-kira jam 7.30 pagi untuk menghantar lima anak mereka, termasuk mangsa ke sekolah dan taska.

"Selepas menghantar anaknya, bapa mangsa pergi ke rumah di sebuah kedai di Taman Tas. Istri lelaki terabit menghidupkannya pada waktu tengah hari sebelum mereka pergi mengambil dua anaknya di sekolah rendah di Indera Mahkota," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Lupa hantar anak ke taska Pasangan suami isteri terabit dikatakan berada di sekolah itu sehingga jam 5 petang, bagai menunggu dua anaknya selesai Rayat al-Quran dan Fardhain (KAF).

Sebaik mereka pergi menuju ke kenderaan untuk pulang ke rumah, bapa terabit baru menyedari dia terlena menghidupkan Muhammad Arif ke taska sebelum melihat mangsa berada di kerusi belakang kenderaan dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Passangan terabit kemudiannya membawa anaknya ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) dan doktor mengesahkan mangsa meninggal diri.

Keratan akhbar BH semalam mengenai budak lemas dalam kereta.

kan. Buat masa sekarang juga kita belum lihat keperluan sama ada untuk menahan bapa mangsa atas sebab kecuai.

"Biar siasatan diselesaikan dahulu dan pada masa sama saya nasihatkan ibu bapa supaya sentiasa peka dengan keadaan anak," katanya.

Jenazah mangsa dibawa untuk dikebumikan di kampung bapanya di Besut, Terengganu, kira-kira jam 10 pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 5 petang itu, Muhammad Arif dipercayai lemas selepas ditinggalkan hampir sembilan jam dalam kenderaan kereta Toyota

Avanza dipandu bapanya. Mangsa dikatakan tertidur di tempat duduk belakang kenderaan terabit.

Bapa mangsa berusia 41 tahun dikatakan terlena untuk menghantar mangsa yang sepatutnya memasuki taska di Indera Mahkota.

"Organ mangsa akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis berikutan doktor yang melakukan bedah siasat tidak dapat mengesahkan sebab kematian"

Mohd Jasmani Yusoff,
Ketua Polis Daerah Kuantan

Measures to battle future floods

BEEFING UP RELIEF

EFFORTS: Private sector to be roped in to help, says DPM

AZURA ABAS
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

IN a bid to bolster the country's readiness to face floods, a host of new measures have been drafted, including a revamp of existing standard operating procedures.

These new measures included mobilising civil servants, ensuring better coordination among non-governmental organisations and roping in the private sector to use their facilities as flood relief centres.

These were among some of the initiatives announced by Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin after chairing a three-hour meeting with the National Disaster Management Committee yesterday.

He said apart from roping in civil servants in affected areas to help out with flood relief efforts, it was also imperative to involve NGOs as well as the private sector.

"There are many NGOs and funds established by the private sector to help those affected by floods. In this respect, we urge them to register with the National Security Council (NSC) to ensure better coordination, especially in the event of extraordinary flood situations.

"Once they are registered, we can activate them and deploy them to assist."

Muhyiddin called on private sec-



Tan Sri Muhyiddin Yassin (left) talking to Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim before chairing the National Disaster Management Committee meeting in Putrajaya yesterday.
Bernama pic

tor companies with large facilities located near flood-prone areas to consider offering their premises as flood relief centres in the event of an emergency.

He said such companies could lend a hand by registering themselves with their respective district offices.

"So far, we have yet to see any relief centres operated by the private sector. If we can get them on board, it will, to a certain extent, ease the government's burden in flood relief efforts."

Muhyiddin said overcrowding at government-run relief centres was an issue during the recent floods.

"The affected centres could only accommodate between 2,000 and 3,000 people, but the number bal-

looned up to 5,000."

He said other areas which could be improved include management at relief centres and land, air and water logistics.

Muhyiddin said the Drainage and Irrigation Department (DID) had also been tasked with identifying flood-prone areas to assist the government in future flood-mitigation plans.

The Welfare Department has also been asked to look into the number of food stockpile facilities available, especially in flood-prone districts, and increasing such facilities in flood-prone areas, he said.

"The department has to find ways to improve the transportation system to get the supply to relief centres."

Muhyiddin said the DID and Meteorological Department had also taken steps to improve the forecast and early warning systems for floods.

"We have to get the warning out to the public fast, maybe through

sirens and a text messaging system."

He stressed that the disaster management committees at the state and district levels must be in sync, while the NSC would coordinate relief operations at the central level.

"Allocations for revolving funds for disaster management at the district level must be set up, with a larger allocation set aside for emergencies," he said.

The committee, Muhyiddin added, had also agreed to beef up the number of assets used in disaster operations, such as trucks and rescue boats.

Earlier this month, floods hit the east coast and Johor, with Pahang and Terengganu being the worst-hit states. Floods in Pahang forced more than 40,000 victims to be evacuated to relief centres.

The east coast is now bracing itself for a second wave of floods, expected sometime this month.

Sabah and Sarawak were also battered by floods, with 42 villages in Baram, Sarawak inundated by flood waters last week.

A total of 366 flood victims from 84 families in Miri and Bintulu were also evacuated to three relief centres on Dec 30.



Kerajaan Garis Empat Pendekatan Perbaiki Pengurusan Bencana - Muhyiddin

PUTRAJAYA, 3 Jan (Bernama) -- Kerajaan menggariskan empat pendekatan untuk memperbaiki dan memperkemaskan pengurusan bencana negara, misalnya banjir, pada masa akan datang, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Berikutan pelaksanaan operasi dalam kejadian banjir awal Disember lepas, beliau berkata masih terdapat ruang untuk agensi kerajaan memperbaiki pengurusan bencana.

Ini termasuk menambah baik sistem amaran awal banjir bagi memastikan maklumat dan amaran dapat disebarkan kepada umum dengan lebih berkesan, katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat di sini Jumaat.

Selain itu, katanya, pengurusan di pusat pemindahan diperkemaskan seperti penyediaan kemudahan tambahan, misalnya tempat memasak, bekalan air bersih, tandas, ruangan untuk golongan khas, tempat tidur dan tempat beribadah.

Turut diperkemaskan adalah pengurusan stor simpanan stok bekalan makanan dan keperluan lain di pusat pemindahan; selain itu pengurusan aset dan logistik, darat, udara dan air untuk tujuan memindahkan mangsa serta mengagih bekalan makanan dan keperluan lain ke pusat pemindahan.

"Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan mengemas kini Prosedur Operasi Standard Pengendalian Bencana Banjir bagi menghadapi bencana banjir luar biasa," katanya.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Rohani Abdul Karim dan Setiausaha MKN Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab.

Muhyiddin berkata perkara yang perlu diperbaiki dalam SOP pengurusan bencana banjir tersebut yang melibatkan fasa sebelum, semasa dan selepas banjir juga diputuskan dalam mesyuarat itu.

Ia termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memperhalusi pengurusan di pusat pemindahan, mengenal pasti pusat pemindahan yang boleh menampung lebih ramai mangsa dan melihat semula kemudahan di pusat pemindahan yang boleh memberikan keselesaan kepada kumpulan sasar berkeperluan.

Beliau berkata JKM diminta mengkaji jumlah pusat simpanan stok bekalan keperluan terutamanya bagi daerah berisiko banjir, meningkatkan stok bekalan keperluan di stor bekalan apabila dijangka berlakunya banjir luar biasa selain memperbaiki sistem penghantaran ke pusat pemindahan.

"MKN akan mengkaji, memperkemas serta menambah aset pengurusan bencana di agensi penyelamat seperti trak dan bot penyelamat untuk memindahkan mangsa, pesakit serta membekalkan bekalan makanan dan keperluan lain ke pusat pemindahan," katanya.

Bagi perancangan jangka panjang, Muhyiddin berkata Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diminta mengemas kini pemetaan kawasan berisiko banjir di seluruh negara terutamanya di kawasan yang sedang membangun dan bandar.

Selain itu, beliau berkata Rancangan Tebatan Banjir perlu dilihat semula bagi mengurangkan kesan banjir pada masa akan datang.

"JPS dan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) akan menambah baik model ramalan dan sistem amaran awal banjir dengan melihat kepada perkembangan teknologi lebih canggih, cepat dan tepat serta kerjasama dengan organisasi antarabangsa dan serantau.

"Ini adalah untuk memastikan ia dapat disebarkan kepada umum dengan lebih berkesan misalnya amaran melalui sistem siren dan khidmat pesanan ringkas (SMS)," katanya.

Selain itu, Muhyiddin berkata MKN akan menyelaraskan sumbangan daripada pelbagai pihak seperti badan korporat, badan bukan kerajaan (NGO) agar sumbangan dapat digunakan semasa berlakunya bencana.

Timbalan perdana menteri turut menyarankan mereka yang berminat menjadi sukarelawan agar berdaftar dengan MKN dan sekiranya berlaku bencana, mereka boleh digerakkan sedia memberi bantuan.

Beliau meminta pihak swasta khususnya yang mempunyai premis seperti gedung atau stor yang sesuai dijadikan pusat pemindahan mangsa banjir pada masa depan bagi mengurangkan kesesakan di pusat pemindahan.

Walaupun setakat ini tiada pihak swasta yang menyediakan premis mereka sebagai pusat pemindahan banjir, beliau berharap pihak berkenaan akan turut membantu kerajaan membantu mangsa banjir.

Muhyiddin berkata peruntukan kecemasan di peringkat pengurusan bencana daerah juga disediakan dan dipertingkatkan untuk menghadapi bencana banjir di luar jangkaan bagi menampung keperluan mendesak di peringkat daerah.

Selain itu, beliau berkata Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah akan menggembeleng pegawai dan anggota agensi kerajaan negeri dan daerah untuk membantu jentera operasi banjir khususnya untuk menguruskan pusat pemindahan.

-- BERNAMA



Angin Kencang, Laut Bergelora Berterusan Sehingga Isnin

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora yang kini melanda perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur, Koh Samui di Thailand, Tioman dan Bunguran di Indonesia, dijangka berterusan sehingga Isnin depan.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan di sini berkata angin kencang Timur Laut berkelajuan dari 40kmsj dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter itu berbahaya kepada bot-bot kecil serta aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Selain itu, angin kencang yang bertiup dari 50 kmsj serta ombak setinggi 4.5 meter yang melanda kawasan perairan Condore & Reef North dijangka berterusan sehingga Jumaat depan.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan termasuk pekerja di pelantar minyak, menurut kenyataan itu.

Sementara itu, ribut petir yang berlaku di kawasan perairan Perak, Pahang, Miri, Wilayah Persekutuan Labuan dan pantai barat Sabah dijangka berterusan sehingga lewat petang ini.

Keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

Selain itu, ribut petir yang berlaku di kawasan perairan Reef North dijangka berterusan sehingga awal malam ini.

Menurut kenyataan itu, angin kencang dengan kelajuan dari 50 hingga 60 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan serta perkhidmatan feri.

-- BERNAMA